

# UMS bantu penduduk melalui kaedah teknologi Akuaponik

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Sistem sirkulasi atau Akuaponik oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu membantu penduduk luar bandar meningkatkan taraf ekonomi mereka selain menambah sumber makanan semasa terutamanya setelah kaedah itu didedahkan kepada orang ramai dalam sesi demonstrasi kaedah penghasilan ikan dan tumbuhan rendah karbon dengan menggunakan sistem berkenaan, di universiti itu, kelmarin.

Projek di bawah program 'Akuakultur Untuk Masyarakat' ini merupakan kerjasama antara universiti itu melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPBM) dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (NOD/MOSTI) yang mengaplikasikan teknologi hijau akuakultur untuk kebajikan masyarakat.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof Dr Rosnah Ismail menjelaskan, melalui Akuaponik, bahan kumuh atau najis ikan akan disalurkan kepada tumbuhan untuk membekalkan baja manakala tumbuhan berkenaan bertindak membersihkan air yang kemudian disalurkan semula ke tangki ikan.

"Penjagaan kualiti air dibuat melalui sistem penapisan secara biologi iaitu dengan menggunakan serpihan batu batan, kulit siput dan batu karang hancur yang diperolehi dari pesisir pantai.

"Sementara itu, modul



AIR MASIN ... Ronah (empat kiri), Luvita (lapan kanan) dan Pengarah IPBM PProf Dr Saleem Mustafa (tujuh kanan) bersama-sama para peserta dari Kota Marudu meninjau hatceri ikan di IPBM UMS.

akuaponik secara integrasi dan bio-dinamik akan digunakan sebagai sebagai model teknologi hijau untuk dimanfaatkan oleh masyarakat," katanya ketika merasmikan program berkenaan di IPBM, kelmarin.

Seramai 15 peserta dari Kota Marudu terdiri daripada golongan nelayan, petani, perternak dan pemimpin masyarakat menghadiri sesi demonstrasi yang turut dihadiri Pegawai Daerah Kota Marudu, Luvita Koison.

Beliau berkata, modul yang didedahkan kepada peserta itu juga mudah dilaksanakan sekali gus melancarkan kerja-kerja pengendalian sekiranya mereka ingin mengamalkan akuaponik.

Tambahnya, kaedah ini boleh meningkatkan hasil

makanan menggunakan sistem akuakultur secara bersepadu terutamanya ketika dunia kini berhadapan eksploitasi berlebihan, ekosistem marin yang menurun dan perubahan iklim.

"Modul latihan khusus boleh diwujudkan untuk memupuk minat terhadap pembelajaran jangka panjang dan penggunaan aplikasi terhadap pengetahuan yang ada dalam usaha untuk membentuk penghasilan makanan laut yang menguntungkan," jelasnya yang menegaskan sektor akuakultur penting untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Rosnah berkata, UMS sentiasa komited dalam memberi perhatian khusus kepada penglibatan masyarakat umum melibatkan sasek pendidikan, kesedaran alam sekitar, latihan

keusahawanan serta kerjaya sendiri dan bimbingan terhadap perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Jelasnya, UMS akan mengadakan lebih banyak program secara intensif sekiranya program seperti itu mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

"Tambahan pula, dalam pembentangan Bajet 2011, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM252 juta untuk pembangunan zon integrasi akuakultur dalam skala besar dan kebanyakannya tertumpu di Sabah," katanya yang berharap peluang tersebut akan dimanfaatkan sepenuhnya orang-orang ramai untuk meningkatkan ekonomi keluarga.